

06 JAN 1997

Laporan Khas

SIRIM BANTU JAYAKAN PROGRAM BINA PESAWAT RINGAN

Oleh: MOHD NASIR YUSOF

SHAH ALAM - SIRIM merupakan sebuah lagi badan korporat yang bertindak pro-aktif melakukan penyelidikan yang dapat membantu mengetengahkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Sebagai sebuah badan penyelidik, Sirim kini memberi tumpuan khusus dan segera terhadap dua bidang - bahan komposit yang ada kaitan dengan bahan untuk membuat badan helikopter; dan pengilangan termaju melibatkan penggunaan robotik atau "artificial intelligence".

Presiden Sirim Berhad Dr Mohd Ariffin Haji Aton berkata keupayaan Malaysia dalam bidang itu akan merupakan antara faktor yang menentukan arah tuju perindustrian negara ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Melalui penyelidikan itu, yang sedang diperkukuhkan asasnya, syarikat milik penuh kerajaan ini akan lebih memberikan impak ke atas kemajuan perindustrian negara," kata Ariffin dalam temubual khas sempena genap 100 hari, pada 9 Disember lalu, Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia itu menjadi badan korporat.

"Kita sudah mempunyai kemudahan, peralatan dan juga tenaga pakar...yang kita lakukan sekarang ialah menjuruterakan semula struktur unit-unit penyelidikan yang sedia ada," kata Ariffin.

"Bahan komposit, misalnya, menarik minat mendalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri," katanya, sambil mengaitkannya dengan hasrat negara melibatkan diri dalam pembinaan pesawat ringan.

Pengilangan termaju pula yang banyak menggunakan kepintaran buatan dan robotik akan membantu bukan sahaja memodenkan sektor pengilangan dan pembuatan tetapi juga dapat mengatasi kekurangan tenaga kerja dalam industri. Ketepatan dan kecekapan pengilangan juga akan menjamin kualiti barangan dan masa pengeluaran.

"Kita mengenalpasti dua bidang ini antara beberapa bidang terkhusus untuk diberikan tumpuan dengan projek-projek penyelidikan yang kita percaya akan memberi kesan lebih signifikan kepada perindustrian negara," katanya.

Beliau berkata selama ini Sirim lebih terserlah sebagai sebuah badan standard dan kurang dilihat sebagai institusi penyelidikan perindustrian sedangkan ia mempunyai pelbagai kemudahan dan kepakaran yang banyak untuk manfaat penyelidikan perindustrian.

"Sirim mampu menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan dengan kemudahan dan peralatan ini...dengan disokong kira-kira 500 saintis penyelidikan yang ada," katanya.

Ariffin berkata sebelum ini unit-unit penyelidikan yang terdapat di Sirim agak terpisah (slightly fragmented) dalam penyelidikan yang dijalankan masing-masing tanpa fokus ke arah projek besar yang boleh memberikan kesan besar.

"Kita sedang menjuruterakan semula unit-unit ini bagi melaksanakan projek penyelidikan yang besar...contohnya, kita mempunyai kepakaran dalam bidang seramik, polimer dan logam yang akan kita kumpulkan bagi menjalankan satu projek besar dalam bidang bahan komposit," katanya.

Mengenai Sirim sebagai organisasi korporat pula, beliau berkata semua kakitangannya "begitu excited" dan mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kejayaan Sirim Berhad dan masa depannya terletak kepada komitmen mereka sendiri.

"Sepanjang 100 hari pertama saya di sini, saya telah berusaha mengkomunikasikan kepada mereka hakikat ini...bahawa setiap kakitangan akan

menentukan masa depan Sirim dan setiap kita mempunyai 'stake' dalam syarikat," katanya.

Beliau berkata pengurusan Sirim kini sedang merangka usaha bagi mewujudkan suasana kerja yang lebih baik, "Dalam konteks Sirim, ini bermakna mewujudkan cabaran-cabaran penyelidikan yang lebih besar...yang akan menghilangkan rasa jemu...yang membuka bidang baru yang mencabar."

Mengenai peranan Sirim, yang lebih dikenali sebagai institusi yang membantu mempercepatkan pemindahan teknologi, Ariffin berkata peranan itu berjalan terus dengan tumpuan kepada sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang tidak dinafikan masih memerlukan teknologi-teknologi baru untuk mengembangkan perusahaan mereka.

Katanya, pengkorporatan juga tidak bermakna yuran dan caj yang dikenakan Sirim bagi perkhidmatannya meningkat kerana menurutnya Sirim bukanlah sebuah syarikat bermotif keuntungan.

"Kita bukan syarikat untuk keuntungan (profit making)...kita syarikat "not for profit" tapi bukanlah juga "non-profit" kerana kita juga perlu mendapatkan semula kos kita," katanya.

Ariffin, 51, pemegang Ph.D dalam bidang kejuruteraan kimia dari Universiti Leeds sebelum ini bertugas sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Research and Scientific Services Sdn Bhd.

Beliau mengambil alih teraju Sirim daripada Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang kini Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad. -- Bernama

MNY/rs